



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 11 TAHUN 2017

BAYARAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2018

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk Hari Raya Aidilfitri tahun 2018.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah memutuskan supaya Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di atas keperihatinan Kerajaan menghargai kesetiaan penjawat awam dalam mendokong kemajuan negara serta melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap dan berkesan kepada rakyat.
- 2.2 Kerajaan juga bersetuju memberikan Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM500.00 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.
- 2.3 Pekeliling Ketua Pengarah ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberikan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dengan syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2018.
- 3.2 Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

4. PEGAWAI YANG LAYAK

- 4.1 Tertakluk kepada perenggan 3.1 dan 3.2 di atas, pegawai yang layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 adalah seperti berikut:
 - 4.1.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*¹;
 - 4.1.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - 4.1.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - 4.1.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - 4.1.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.

¹ Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

5. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

- 5.1 Pegawai yang tidak layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 adalah:
- 5.1.1 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018;
 - 5.1.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018; dan
 - 5.1.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

6. PEGAWAI YANG DITANGGUH BAYARAN KHAS

- 6.1 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini. Pegawai hanya layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

7. PEKERJA SAMBILAN HARIAN

- 7.1 Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 7 Jun 2018 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

8. PESARA

- 8.1 Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen dan penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
- 8.2 Pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberikan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
- 8.3 Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service* dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
- 8.4 Tempoh 30 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

9. PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

- 9.1 Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.
- 9.2 Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
- 9.3 Tempoh 30 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am sepanjang tahun 2018.

10. TARIKH PEMBAYARAN

Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini akan dibayar pada 7 Jun 2018.


11. TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

Bagi pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang yang sedang berkhidmat, pembayaran Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini adalah tanggungjawab jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat, manakala bagi pesara Kerajaan, pembayaran tersebut adalah tanggungan Jabatan Perkhidmatan Awam.

12. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.




(DATO' HJ. MOHD SALIM BIN HJ.TAHA)
Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang

28 Disember 2017

Edaran Kepada :

- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah – Pengarah Bahagian
- Pengarah Unit Integriti
- Pengarah – Pengarah LPP Negeri
- Ketua Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang – Undang
- Presiden Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan LPP Semenanjung Malaysia (PEKA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KEPELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Pembantu-Pembantu Khidmat Peladang LPP Semenanjung Malaysia (KELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Akaun/Audit LPP Semenanjung Malaysia (KESADA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Pentadbiran LPP Semenanjung Malaysia (KETADBIR)
- Yang Dipertua Kesatuan Penolong Jurutera LPP Malaysia (KETEKNIK)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan LPP Negeri Sabah (KESABAH)
- Presiden Kesatuan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Lembaga Pertubuhan Peladang Semenanjung Malaysia (TEMA)



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2017

BAYARAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2018

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk Hari Raya Aidilfitri tahun 2018.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di atas keperihatinan Kerajaan menghargai kesetiaan penjawat awam dalam mendokong kemajuan negara serta melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap dan berkesan kepada rakyat.

3. Kerajaan juga bersetuju memberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM500.00 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

4. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018.

PELAKSANAAN

5. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dengan syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2018.

6. Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

PEGAWAI YANG LAYAK

7. Tertakluk kepada perenggan 5 dan 6 di atas, pegawai yang layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 adalah seperti berikut:

7.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*¹;

7.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;

7.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;

¹ Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

- 7.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - 7.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.
8. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 juga dipanjangkan kepada:
- 8.1 guru interim;
 - 8.2 pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
 - 8.3 pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saraan Hakim 1971.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

9. Pegawai yang tidak layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 adalah:
- 9.1 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018;
 - 9.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018; dan
 - 9.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN KHAS AIDILFITRI

10. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini. Pegawai hanya layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

11. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 7 Jun 2018 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

PESARA

12. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen dan penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

13. Pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

14. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service* dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh

Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

15. Tempoh 30 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

16. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

17. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

18. Tempoh 30 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

TARIKH PEMBAYARAN

19. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini akan dibayar pada 7 Jun 2018.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

20. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang sedang berkhidmat, pembayaran Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini adalah tanggungan jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat, manakala bagi pesara Kerajaan, pembayaran tersebut adalah tanggungan Jabatan Perkhidmatan Awam.

TARIKH KUAT KUASA

21. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

22. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(TAN SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

13 Disember 2017

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

KK/BP/DS (S)10/79/28(S.K.1/2017)(7)

14 Disember 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

BAYARAN KHAS *CONTRACT FOR SERVICE* TAHUN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi Bayaran Khas *Contract For Service* kepada individu *contract for service* sebanyak RM500. Sehubungan itu, individu *contract for service* yang telah memberi khidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak menerima Bayaran Khas *Contract For Service*.
3. Pesara Perkhidmatan Awam yang berkhidmat secara *contract for service* layak menerima Bayaran Khas *Contract For Service* pada kadar RM500 tertakluk pegawai telah memberi khidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018. Pembayaran sebanyak RM250 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250 akan dibayar oleh Jabatan baharu individu *contract for service* bertugas.

4. Individu *contract for service* yang menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan sebelum tamat tempoh kontrak pada 7 Jun 2018 tidak layak menerima Bayaran Khas *Contract For Service*. Bayaran Khas *Contract For Service* ini hanya diberikan kepada individu *contract for service* warganegara Malaysia sahaja.

5. Bayaran Khas *Contract For Service* ini akan dibayar pada 7 Jun 2018.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia